



Kisah Rasul-Rasul 4






Published by the Comic Bible Society, LLC
Copyright © 2021

Kingstone Comics maintains copyright to this comic book as provided by United States copyright law.

Print and digital copies of this version may be freely distributed without penalty under a Creative Commons license.

PAULUS MENINGGALKAN ANTIOKHIA DAN BELAYAR KE EFESUS, SEBUAH KOTA PERLABUHAN TERKEMUKA.

DI SITU DIA BERJUMPA DENGAN DUA BELAS ORANG YANG PERCAYA KEPADA YESUS, NAMUN BELUM PERNAH MENDENGAR BAHAWA ADA ROH ALLAH.



SELAMA TIGA BULAN, DENGAN BERANI PAULUS TERUS-MENERUS BERKATA-KATA KEPADA ORANG DI RUMAH IBADAT.



DIA BERBINCANG DENGAN MEREKA DAN BERUSAHA UNTUK MEYAKINKAN MEREKA TENTANG PEMERINTAHAN ALLAH.

APABILA SEGILINTIR MENCERCA RANCANGAN ALLAH UNTUK MENYELAMATKAN MANUSIA MELALUI YESUS, PAULUS MENGADAKAN PERBINCANGAN DI DEWAN SYARAHAN TIRANUS SELAMA DUA TAHUN.

RAMAI PENGEMBARA YANG DATANG MENDENGAR--



--LALU MEMBAWA INJIL KE SELURUH ASIA.



ALLAH MELAKUKAN MUKJIZAT YANG
LUAR BIASA MELALUI PAULUS, DAN INI
MEMBUKTIKAN KEBENARAN INJIL
YANG DIA BERITAKAN.



SEPERTI PETRUS DAN RASUL-RASUL YANG LAIN,
TUHAN MEMBERIKAN KUASA KEPADA PAULUS
UNTUK MENGUSIR ROH-ROH JAHAT.

ADA SEGELINTIR YANG CUBA
MENIRU MUKJIZAT PAULUS.

KETUA IMAM YAHUDI BERNAMA SKEWA
MEMPUNYAI TUJUH ORANG ANAK LELAKI.

MEREKA CUBA
MENGUSIR ROH
JAHAT.

AKU MENGUSIR
KAMU DEMI NAMA
YESUS YANG
DIBERITAKAN OLEH
PAULUS!

YESUS AKU KENAL,
PAULUS PUN AKU KENAL,
TETAPI SIAPAKAH
KAMU?

AHHH!




KETAKUTAN, TUJUH BERADIK
TERSEBUT LARI DALAM KEADAAN
TERLANJANG DAN CEDERA.

KHABAR PERISTIWA ITU TERSEBAR
KE SELURUH EFESUS--



--TENTANG BAGAIMANA PAULUS,
DENGAN KUASA YESUS BOLEH
MENGALAHKAN ROH JAHAT--

--SEDANGKAN PEMIMPIN AGAMA
TIDAK MAMPU BERBUAT YANG SAMA.



DI KOTA ITU ADA SEORANG TUKANG PERAK BERNAMA DEMETRIUS, YANG TELAH MENGUMPULKAN SEMUA PEKERJANYA DAN PEKERJA TUKANG PERAK YANG LAIN.



SAUDARA-SAUDARA!

KEKAYAAN KAMI DATANGNYA DARIPADA PEMBUATAN MODEL KUIL DEWI ARTEMIS YANG KAMI SEMBAH!



SI PAULUS ITU BERJAYA MEYAKINKAN BANYAK ORANG BAHAWA DEWA-DEWA YANG KAMI BUAT INI BUKAN DEWA BENAR!

HAL ITU MEMBAHAYAKAN PERNIAGAAN DAN KEPERCAYAAN KAMI!



HIDUP ARTEMIS, DEWI ORANG EFESUS!

TOLONGLAH, DENGAR!



PAULUS INI TIDAK BERBICARA BAGI PIHAK SEMUA ORANG!

KAMU ORANG YAHUDI, SEPERTI DIA!

BAWA DIA PERGI DARI SINI!



HIDUP ARTEMIS,
DEWI ORANG EFESUS!

HIDUP ARTEMIS,
DEWI ORANG EFESUS!

MEREKA TIDAK
TAHU PUN APA YANG
MEREKA KATAKAN!

SELAMA DUA JAM MEREKA BERSERU DENGAN SERENTAK, MEMUJI
ARTEMIS DAN MENGHASUT KEBENCIAN TERHADAP INJIL YESUS.



SAYA HARUS
MEMBERITAKAN INJIL
KEPADA KHALAYAK
INI.

INI BUKANLAH
KHALAYAK --- INI
SUATU RUSUHAN!

MEREKA AKAN
MEMBUNUH
KAMU!

AKHIRNYA SETIAUSAHA KOTA BERJAYA
MENENTERAMKAN ORANG RAMAI.



HAI PENDUDUK
EFESUS!

SEMUA ORANG TAHU
BAHAWA EFESUSLAH
KOTA YANG MEMELIHARA
KUIL DEWI ARTEMIS DAN
BATU SUCI YANG JATUH
DARI LANGIT.

TIDAK
SEORANG PUN
DAPAT MENAFIKAN
HAL ITU.

JIKA DEMETRIUS DAN
PEKERJA-PEKERJANYA
MAHU MENDAKWA
SESIAPA--



-- BIARLAH
MEREKA MEMBAWA
PERKARA ITU KE
MAHKAMAH.

TETAPI KALAU
ROMA PERCAYA KAMI
MENGADAKAN RUSUHAN,
KOTA KAMI AKAN
MENDERITA!

PULANGLAH
KAMU SEMUA!



SETELAH TIGA TAHUN LAMANYA
DI EFESUS, AKU INGIN SEKALI
MELAWAT GEREJA-GEREJA DI
YUNANI.

DAN SETELAH ITU,
JIKA DIIZINKAN
TUHAN, KE
ROMA!

BUKANKAH
ITU TEMPAT YANG
TERBAIK UNTUK
MENYEBARKAN
INJIL KE
SELURUH
DUNIA?!

DARI KORINTUS, KAMI KE TROAS.
PADA PETANG SABTU, KAMI BERKUMPUL
UNTUK MENGADAKAN JAMUAN.

PAULUS MENGAJAR
ORANG DI SITU SEHINGGA
TENGAH MALAM.





INI BUKANLAH PERTAMA
KALI SESEORANG TERTIDUR
KETIKA KAMU MENGAJAR
FIRMAN.



BETUL. TETAPI
SEMOGA SETELAH
KISAH INI TERSEBAR,
INILAH KALI YANG
TERAKHIR!

SETELAH MUKJIZAT INI BERLAKU,
MEREKA TETAP TINGGAL SEHINGGA
MATAHARI TERBIT.

TIADA SEORANG PUN YANG
DUDUK DI JENDELA LAGI.



DARI TROAS, KAMI BELAYAR KE BEBERAPA TEMPAT,
TERMASUKLAH KE MILETUS.

PAULUS MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK
MELALUI EFESUS. DIA INGIN TIBA DI
YERUSALEM UNTUK HARI PENTAKOSTA.

PAULUS MINTA SUPAYA
PEMIMPIN-PEMIMPIN
JEMAAH EFESUS DATANG
UNTUK MENEMUINYA DI
MILETUS.

SEKARANG UNTUK MENTAATI
PERINTAH ROH ALLAH, AKU AKAN
PERGI KE YERUSALEM.

AKU TELAH DIBERI
AMARAN SUPAYA TIDAK
KE SANA.

ROH ALLAH TELAH
BERITAHU AKU BAHAWA
AKU AKAN MENGALAMI
PENDERITAAN DAN AKAN
DIPENJARAKAN.

TETAPI AKU TIDAK
MENGAMBIL BERAT
SAMA ADA AKU HIDUP
ATAU MATI...

AKU HANYA INGIN
MENYELESAIKAN TUGAS
UNTUK MENGHABARKAN
BERITA BAIK TENTANG
RAHMAT ALLAH.

AKU TIDAK PERNAH
MELALAIKAN TUGAS UNTUK
MENJELASKAN SEGALA
KEHENDAK ALLAH KEPADA
KAMU.

HENDAKLAH KAMU
MENJAGA DIRI SERTA
DOMBA-DOMBA-MU...

...KERANA SERIGALA BUAS
YANG MENGAKUI DIRI NABI
AKAN DATANG, MENUNGGU
SAAT UNTUK MENYERANG.

SEKARANG AKU TAHU
BAHAWA KAMU TIDAK
AKAN BERJUMPA DENGAN
AKU LAGI.

KAMI BERLAYAR KE FILISTIN DAN
BERJALAN KE YERUSALEM.

PAULUS,
SAUDARAKU!

KAMI BERSUKACITA
DENGAN SEGALA
PEKERJAAN TUHAN DI
KALANGAN ORANG
BUKAN YAHUDI!

SEKARANG,
BERHATI-HATILAH
SUPAYA TIDAK ADA
SEBARANG MASALAH
DI SINI!

NAMUN PAULUS TIDAK MEMPUNYAI
KARUNIA UNTUK JAUH DARI MASALAH.

PAULUS MENCUKUR KEPALANYA
DAN MENJALANKAN UPACARA
PENYUCIAN DIRI, NAMUN INI TIDAK
MEREDAKAN KEBENCIAN ORANG.

DIA TELAH
MEMBAWA
ORANG YUNANI
MASUK KE
RUMAH TUHAN!

BENARKANLAH SAYA
BERBICARA KEPADA
ORANG-ORANG INI.

KERUMUNAN INI
AKAN MEMBUNUH
KAMU SEBELUM KAMU
SEMPAT BERKATA-
KATA...
... MENGHIBURKAN
JUGA.

PAULUS BERBAHASA YUNANI
KEMUDIAN BERBAHASA
IBRANI DENGAN FASIHNYA;



SAYA ORANG
YAHUDI YANG
DILAHIRKAN DI
TARSUS DAN
DIBESARKAN DI
YERUSALEM--

-- SEBAGAI MURID
GAMALIEL. SAYA DIAJAR
DENGAN TELITI TENTANG
TAURAT NENEK MOYANG KITA,
DAN SAYA MENGABDIKAN
DIRI KEPADA ALLAH.



SAYA MENGANIAYA
DAN MENANGKAP ORANG
LELAKI DAN PEREMPUAN
YANG MENGIKUT AJARAN
BARU ITU.

IMAM AGUNG
DAN SEMUA ANGGOTA
MAJLIS AGAMA
ADALAH SAKSI.



SEMASA SAYA DALAM
PERJALANAN KE DAMSYIK,
UNTUK MENANGKAP PARA
PENGIKUT YESUS...

...TIBA-TIBA CAHAYA
TERANG DARI LANGIT
MEMANCAR DI SEKELILING
SAYA. SAYA REBAH KE LALU
MENDENGAR SUARA
BERKATA:

"AKU YESUS ORANG
NASARET YANG ENKAU
ANIAYA."



HAPUSKAN
DIA!

BUNUH DIA!
DIA TIDAK LAYAK
HIDUP!

PAULUS DIBAWA PERGI
UNTUK DICAMBUK--



BOLEHKAH SEORANG
WARGANEGARA ROMA
DICAMBUK SEBELUM
DIA DIADILI?



SAYA MENJADI
WARGANEGARA ROMA
DENGAN MEMBAYAR
WANG YANG BANYAK.

TETAPI SAYA
DILAHIRKAN SEBAGAI
WARGANEGARA
ROMA.

KEESOKAN HARINYA, PAULUS DIBAWA
MENGHADAP MAJLIS AGAMA--

--TEMPAT YANG SAMA DI MANA DIA PERNAH BERHUJAH UNTUK
STEFANUS MATI KERANA MEMBERITAKAN INJIL YANG SAMA.

SAUDARA-
SAUDARA, SAYA
ORANG FARISI,
BAPA SAYA PUN
ORANG FARISI.



PAULUS TAHU BAHAWA ORANG
SADUKI YANG TIDAK PERCAYA
AKAN KEBANGKITAN, SERTA
ORANG FARISI YANG PERCAYA,
SEMUANYA SEDANG MENDENGAR.

SAYA DIADILI DI SINI
KERANA SAYA PERCAYA
BAHAWA ORANG MATI
AKAN DIBANGKITKAN
DARIPADA KEMATIAN!




ORANG FARISI DAN ORANG
SADUKI MULA BERTENGKAR
TENTANG KEBANGKITAN
ORANG MATI.

KEBANGKITAN
ITU MEREPEK!

KEBANGKITAN
ITU KEBENARAN
TUHAN!

MARILAH KITA
PERGI SEBELUM
MEREKA
MENYERANG
BANDUAN INI!





PADA MALAM ITU, PAULUS
DIDATANGI SEORANG PELAWAT...
ANAK TUHAN!


TABAHKANLAH
HATIMU! ENKAU SUDAH
MEMBERI KESAKSIANMU
TENTANG AKU DI
YERUSALEM. ENKAU HARUS
MEMBERI KESAKSIAN DI
ROMA JUGA.



...KEMUDIAN,
SEORANG LAGI.

ANAK BUAH
KAMU?

YA!
ALANGKAH
LAMANYA SAYA
TIDAK MELIHAT
KAMU!



MALANGNYA SAYA
DATANG DENGAN
KHBAR BURUK...

...SAYA DENGAR
BEBERAPA ORANG
BERBINCANG DENGAN
PEMIMPIN RUMAH
TUHAN!



MEREKA
BERKATA...



...KAMI SUDAH
BERSUMPAH!

KAMI TIDAK
AKAN MAKAN ATAU
MINUM SEHINGGA
KAMI MEMBUNUH
PAULUS!

KAMI AKAN
BERSIAP UNTUK
MEMBUNUH DIA!



ADA LEBIH
DARIPADA EMPAT
PULUH ORANG!

MAJLIS
AGAMA AKAN
MEMANGGIL KAMU
ESOK.



MEREKA AKAN
BERSEMBUNYI UNTUK
MENUNGGU DAN
MEMBUNUH KAMU DALAM
PERJALANAN!



APA?



BAWALAH
PEMUDA INI
KEPADA
KOMANDAN.

DIA MAHU
MEMBERITAHUKAN
SESUATU
KEPADANYA!



TERIMA
KASIH!

IBU MENGIRIM
SALAM SAYANG.

SELAMAT
TINGGAL, BAPA
SAUDARAKU!

MARI!

KEMATIAN SEORANG
BANDUAN DALAM TAHANAN
ADALAH PERKARA YANG
TIDAK DITERIMA OLEH
ORANG ROMAWI.

BAWAKAN DIA
BERJUMPA
GABERNOR FELIX DI
CAESAREA. DAN
BERHATI-HATILAH.

DI KAISAREA, IMAM AGUNG
ANANIAS MELANTIK SEORANG
PEGUAM BERNAMA TERTULLUS
UNTUK MENGEMUKAKAN
TUDUHAN TERHADAP PAULUS.

GABENOR FELIX,
KAMI DAPATI ORANG INI
PENGACAU YANG BERBAHAYA.
DIA MENIMBULKAN KEKACAUAN
DI KALANGAN ORANG
YAHUDI.

DAN DIA PEMIMPIN
KUMPULAN ORANG
NASARETI!

SAYA BERSUKACITA
KERANA DAPAT MEMBELA
DIRI DI HADAPAN TUAN.

SAYA MENGIKUT
AJARAN YESUS;
HARAPAN SAYA HANYA
DI DALAM TUHAN.

SAYA BANYAK
PENGETAHUAN
TENTANG AJARAN
YESUS INI.

SAYA PERCAYA BAHAWA
ORANG MATI AKAN
DIBANGKITKAN DARIPADA
KEMATIAN...

...UNTUK DIHAKIMI
DI HADAPAN SANG
PENCIPTA, IAITU
HAKIM BAGI SEMUA.

FELIX MENDENGAR
KEDUA-DUA PIHAK.

PAULUS DIBERI KEBEBASAN YANG TERHAD,
DAN SAHABAT-SAHABAT PAULUS DIBENARKAN
BERJUMPA DAN MEMBERIKAN APA YANG
DIPERLUKANNYA.



BEBERAPA HARI KEMUDIAN, GABENOR FELIKS DATANG DENGAN ISTERINYA DRUSILA, UNTUK MENDENGARKAN PAULUS.

SAYA MEMBAWA KHABAR BAIK TENTANG HIDUP YANG KEKAL DALAM TUHAN MELALUI ANAK TUNGGAL-NYA.

AKAN ADA PENGHAKIMAN UNTUK SEMUA PERBUATAN KITA!

TETAPI ADA JUGA PENGAMPUNAN, MELALUI YESUS, MESIAS ITU!



TIDAK SUSAH UNTUK MENGENAL PASTI DOSA-DOSA KITA!

DAN KITA HARUS MENGAMALKAN KAWALAN-DIRI--

DAN ITU CUKUP UNTUK SEKARANG!



FELIKS BIARKAN PAULUS TINGGAL DI DALAM PENJARA SELAMA DUA TAHUN DI KAISAREA.

DIA SEBENARNYA BERHARAP PAULUS AKAN MEMBERI DIA WANG SOKONGAN UNTUK DIBEBASKAN.

PAULUS MENGGUNAKAN KEADAAN INI SEBAGAI PELUANG UNTUK MEMBERITAKAN INJIL YESUS KEPADA SEMUA YANG MAHU MENDENGAR.



AKHIRNYA, PERKIUS FESTUS MENGANTIKAN FELIKS SEBAGAI GABENOR.

KETUA-KETUA IMAM DAN PEMIMPIN ORANG YAHUDI MEMOHON SUPAYA MENGHANTAR PAULUS KE YERUSALEM--

--DAN SUDAH BERKOMPLOT UNTUK MEMBUNUH DIA DI PERJALANAN.



DIA MENENTANG HUKUM TAURAT.

DIA MENENTANG RUMAH TUHAN.

DIA MUSUH KAISAR.

MEREKA TIDAK BERJAYA MEMBUKTIKAN SEBARANG TUDUHAN YANG DIBERIKAN.

SETELAH KEMBALI KE KAISAREA,
PAULUS DIBAWA MENGHADAP FESTUS.

MAHUKAH KAMU
PERGI KE YERUSALEM
SUPAYA SAYA BOLEH
MENGADILI KAMU DI
SANA?

TUAN SENDIRI
TAHU BAHAWA SAYA
TIDAK BERSALAH
TERHADAP ORANG
YAHUDI.

SAYA MINTA
DIADILI OLEH
KAISAR ROMA!

KAMU
WARGANEGARA
ROMA.

KERANA KAMU
MINTA DIADILI OLEH
KAISAR ROMA, KAMU
HARUS PERGI
MENGHADAP
KAISAR.

SEBELUM PAULUS BELAYAR KE ROMA,
RAJA HERODES AGRIPA...

...DAN ISTERINYA PUTERI BERNICE DATANG UNTUK
BERSAMA-SAMA FESTUS MENDENGAR PAULUS.



...INILAH PAULUS,
YANG MEREKA
PANGGIL RASUL.

TUANKU, HAMBA
BERASA BERTUAH KERANA
DIBENARKAN MEMBELA DIRI
DI HADAPAN TUANKU.

TERUTAMA SEKALI
KERANA TUANKU
SANGAT MEMAHAMI
ADAT ISTIADAT DAN
MASALAH ORANG
YAHUDI.



DAHULU HAMBA
SENDIRI PUN
MUSUH YESUS DARI
NAZARET ITU...

HAMBA SANGAT
MARAH, SEHINGGA
HAMBA MENGANIAYA
PARA PENGIKUTNYA...



YESUS MUNCUL KEPADA HAMBA
DAN BERKATA, "AKU MENGUTUS
ENGKAU KEPADA MEREKA, UNTUK
MEMBUKA MATA MEREKA...

..SUPAYA MEREKA
DAPAT MENERIMA
PENGAMPUNAN
DOSA."



KERANA HAL
INILAH MEREKA CUBA
MEMBUNUH HAMBA.



PAULUS,
KAMU GILA!

ILMU KAMU YANG
BANYAK ITU SUDAH
MENYEBABKAN
KAMU GILA!

TIDAK. KATA-KATA YANG
HAMBA UCAPKAN ITU BENAR
DAN KELUAR DARIPADA
FIKIRAN YANG WARAS.

TUANKU RAJA
AGRIPA FAHAM AKAN
PERKARA-PERKARA
ITU.

KAMU FIKIR KAMU
BOLEH MENJADIKAN
BETA SEORANG
KRISTIAN, DALAM
TEMPOH YANG
SINGKAT INI?

DALAM TEMPOH
YANG SINGKAT ATAUPUN
PANJANG, HAMBA BERDOA
KEPADA ALLAH SUPAYA
TUANKU DAN PARA HADIRIN
YANG MENDENGARKAN
HAMBA HARI INI...

... BOLEH
MENJADI SEPERTI
HAMBA - TETAPI
TIDAK DIRANTAI
SEPERTI HAMBA.

SEBENARNYA
ORANG INI DAPAT
DIBEBASKAN, JIKA DIA
TIDAK MENGAJUKAN
RAYUAN UNTUK DIADILI
OLEH KAISAR.

YULIUS, PEGAWAI TENTERA DARIPADA REJIMEN
KAISAR MEMBAWA PAULUS DAN BEBERAPA ORANG
TAHANAN LAIN UNTUK BELAYAR KE ROMA.

AKU TURUT MENAIKI KAPAL ITU, BERSAMA
SAUDARA ARISTARKHUS DARI TESALONIKA.

YULIUS MEMPERLAKUKAN
PAULUS DENGAN BAIK...

KAMI BELAYAR DARI KAISAREA KE SIDON,
LALU MENYUSUR PULAU SIPRUS KERANA
ANGIN YANG KUAT LALU KE ARAH MIRA.

DENGAN BERSUSAH
PAYAH KAMI BELAYAR
MENDEKATI
PERSISIRAN PANTAI.

... DAN MEMBENARKAN PAULUS
BEBAS BERGERAK.



CUACA MENJADI LEBIH BAHAYA UNTUK PERJALANAN
YANG JAUH KERANA IA SUDAH AKHIR TAHUN.



APABILA ANGIN SELATAN LEMBUT MULA
MENIUP, MEREA BERFIKIR MEREA SUDAH
MENCAPAI APA YANG MEREA INGINKAN.





TIDAK LAMA KEMUDIAN ANGIN YANG SANGAT KUAT MEMUKUL KAPAL LALU KAPAL DIBIARKAN MENGIKUT ANGIN.



ANGIN TERUS-MENERUS MEMBADAI, SEHINGGA KEESOKAN HARINYA. KAMI DITIUP BADAI SEPERTI SEHELAI DAUN.

BUANG MUATAN KAPAL KECUALI MAKANAN DAN AIR!



ANGIN PUN TERUS-MENERUS MEMBADAI.



BERHENTI!
SEMUA INI BOLEH
DIGANTI KECUALI
NYAWA MANUSIA!

PADA HARI KETIGA,
KERANA TERDESAK...

...ANAK KAPAL JUGA
MEMBUANG SEBAHAGIAN
DARIPADA ALAT-ALAT KAPAL.



LENYAPLAH SEGALA HARAPAN
KAMI UNTUK SELAMAT.

PAULUS, AKU
MEMBAWA KHABAR
DARI RAJA SEGALA
RAJA.

SAUDARA-
SAUDARA
SEPATUTNYA
MENURUT NASIHAT
SAYA...

...DAN TIDAK
BELAYAR DARI
KRETA.

TETAPI SEKARANG
JANGANLAH KHUATIR,
KERANA TIDAK
SEORANG PUN AKAN
MATI...

...HANYA KAPAL
INI TIDAK DAPAT
DISELAMATKAN.

SEMALAM ALLAH MENGIRIM
MALAIKAT-NYA UNTUK BERKATA,
"JANGANLAH TAKUT, PAULUS! ENKAU
AKAN MENGHADAP KAISAR.

OLEH SEBAB KEBAIKAN
HATI ALLAH KEPADAMU,
SEMUA ORANG YANG BELAYAR
DENGANMU AKAN
SELAMAT."



PADA MALAM YANG KEEMPAT BELAS,
KAMI MASIH TERAPUNG-APUNG DI LAUT TENGAH.

DARAT!
SAYA MELIHAT
DARATAN!!

TIGA PULUH
METER. TURUNKAN
SAUH SEBELUM KITA
TERKANDAS PADA BATU
KARANG!



JIKA ANAK KAPAL TIDAK
TINGGAL DI KAPAL,
SAUDARA SEMUA TIDAK
BOLEH SELAMAT.



OLEH ITU ASKAR-ASKAR
MENERAT TALI YANG MENGIKAT
SEKOCI LALU MEMBIARKAN
SEKOCI ITU HANYUT.



SUDAH EMPAT BELAS HARI
SAUDARA-SAUDARA DALAM KEADAAN
TEGANG, TANPA MAKANAN.

MAKANLAH
SEKARANG!

SAUDARA SEMUA
MEMERLUKAN
TENAGA.



TERIMA KASIH BAPA,
ATAS JANJI ENKKAU UNTUK
MENYELAMATKAN KAMI.

SELAMATKANLAH
MEREKA INI JUGA DARI
KEGELAPAN DOSA
DENGAN CAHAYA INJIL
YESUS.



INI ULAR YANG PALING
BERBISA. DIA AKAN MATI DALAM
BEBERAPA MINIT.

ORANG
INI TENTU
PEMBUNUH.

DEWI YANG
BERNAMA KEADILAN TIDAK
MEMBENARKAN DIA HIDUP,
MESKIPUN DIA SELAMAT
DARIPADA BAHAYA
DI LAUT.

MEREKA MENJANGKA TANGAN PAULUS AKAN
BERBIAK, ATAU TIBA-TIBA DIA AKAN REBAH MATI.

NAMUN SETELAH PAULUS TERUS
HIDUP MEREKA BERUBAH FIKIRAN.

TIDAK PERNAH
ADA ORANG YANG
SELAMAT DARI RACUN
ULAR ITU!



DIA TENTU
SEORANG
DEWA!

SAYA HANYA
SEORANG MANUSIA!
BANGUNLAH DAN
DENGARKAN
SAYA.



SAYA AKAN
MEMBERITAHU KAMU
TENTANG SATU TUHAN
YANG BENAR.

DIA BERKUASA
DAN SUCI, NAMUN
DIA ADA KHABAR BAIK
UNTUK ANDA
SEMUA!






KAMU
SEPATUTNYA
SUDAH MATI!



TIADA ULAR,
MAHUPUN SYAITAN
SENDIRI, BOLEH
MENGHALANG SAYA DARI
MEMBAWA INJIL
KE ROMA.



PUBLIUS, GABENOR PULAU ITU
MENYAMBUK KAMI DENGAN BAIK
DAN SELAMA TIGA HARI KAMI
MENJADI TETAMUNYA.

DI LAUTAN ITU,
IA SEPERTI NERAKA,
DI SINI PULA, IA SEPERTI
SYURGA.

YESUS DATANG
UNTUK MENYELAMATKAN
KAMU DARI NERAKA DAN
MASUK KE SYURGA.

ADAKAH KAMU
AKAN BERPALING
DARI DOSA-DOSAMU
KEPADA TUHAN?



SAYA TELAH
MENDENGAR TENTANG
MUKJIZAT RACUN
ULAR KAMU ITU!



ADAKAH TUHAN
KAMU HANYA
MELAKUKAN MUKJIZAT
UNTUK KAMU
SAHAJA?

BAPA SAYA
SAKIT.

SANGAT
SAKIT.

BAWALAH
SAYA KEPADA
DIA.



DIA DEMAM
DAN MENDERITA
CIRIT-BIRIT.



SEBAGAI SEORANG
PERAWAT, MENYAKSIKAN
SUATU MUJIZAT
PENYEMBUHAN
SEMEMANGNYA
MENAKJUBKAN.



KERANA PERISTIWA
PENYEMBUHAN BAPA KEPADA
PUBLIUS--



TUHAN MEMAKAI PAULUS UNTUK MENYEMBUHKAN
ORANG SAKIT DI SELURUH MALTA.



AKHIRNYA, KAMI BERSEDIA
BELAYAR KE ROMA.



PENDUDUK MALTA TELAH MEMBAWA BEKALAN
DAN HADIAH YANG SECUKUPNYA UNTUK KAMI.

KAMI BELAYAR KE KOTA SIRAKUSA DI SISILIA,
KEMUDIAN KE ARAH UTARA UNTUK KE ROMA,
DAN AKHIRNYA DI JALAN APIUS.



TERSEBARLAH KHABAR BAHAWA RASUL
ITU AKAN DATANG KE ROMA...



...DAN PARA PENGIKUT YESUS DATANG UNTUK
MENYAMBUT KAMI DI KOTA YANG BERHAMPIRAN.

KOTA ROMA SANGAT
BESAR, DENGAN LEBIH
SEJUTA PENDUDUK.



PAULUS DIBENARKAN TINGGAL
SEORANG DIRI DAN MENYEWA
SEBUAH BILIK...

... DAN DIKAWAL OLEH SEORANG
ASKAR YANG TERBELENGU
KEPADANYA.

SAYA TINGGAL DEKAT KEPADANYA,
DAN MEMBAWAKAN MAKANAN,
BUKU-BUKU DAN ALAT TULIS.



PAULUS MEMANGGIL PEMIMPIN-PEMIMPIN ORANG YAHUDI TEMPATAN.

SAUDARA-SAUDARA ORANG YAHUDI, SAYA TIDAK BERSALAH TERHADAP BANGSA KITA ATAU MELANGGAR ADAT RESAM KITA.

ORANG ROMA HENDAK MEMBEBAHKAN SAYA TETAPI ORANG YAHUDI MENENTANG KEPUTUSAN ITU.

KAMI INGIN MENDENGAR PENDAPAT SAUDARA...

... KERANA KAMI TAHU BAHAWA ORANG DI SERATA TEMPAT MENCELA KUMPULAN KRISTIAN INI.

BANYAK ORANG DATANG KE TEMPAT TINGGAL PAULUS LALU PAULUS MENJELASKAN AJARANNYA TENTANG PEMERINTAHAN ALLAH DAN BERUSAHA MEYAKINKAN MEREKA TENTANG YESUS DENGAN MENGGUNAKAN AYAT-AYAT DARI TAURAT MUSA DAN KITAB NABI-NABI.

ADA ORANG YANG PERCAYA, DAN ADA YANG TIDAK.

DENGAN PENDIRIAN YANG BERLAINAN MEREKA MENINGGALKAN TEMPAT ITU DENGAN PESANAN DARI PAULUS...

MEMANG BENAR APA YANG DIKATAKAN OLEH ROH ALLAH MELALUI NABI YESAYA "PERGILAH DAN KATAKAN HAL INI KEPADA BANGSA INI..."

"KAMU AKAN MENDENGAR TETAPI TIDAK FAHAM; KAMU AKAN MELIHAT TETAPI TIDAK NAMPAK, KERANA SEOLAH-OLAH FIKIRAN BANGSA INI TUMPUL, TELINGA PEKAK, DAN MATA BUTA UNTUK KEMBALI KEPADA-KU, SUPAYA AKU MENYEMBUHKAN MEREKA."

SAUDARA-SAUDARA HARUS TAHU BAHAWA PERKHABARAN TENTANG PENYELAMATAN YANG DIKURNIAKAN OLEH ALLAH, SEKARANG SUDAH DIKHABARKAN KEPADA ORANG BUKAN YAHUDI. MEREKA AKAN MENERIMANYA!

SELAMA DUA TAHUN PAULUS TINGGAL DI ROMA, DI RUMAH SEWA ITU. DIA MENYAMBUUT SESIAPA SAHAJA YANG DATANG MELAWATNYA. DENGAN KEBEBASAN DAN KEBERANIAN, PAULUS MENGKHABARKAN AJARAN TENTANG PEMERINTAHAN ALLAH, DAN MEMBERIKAN AJARAN TENTANG TUHAN YESUS KRISTUS.

PETRUS DAN PAULUS BERADA DI ROMA
UNTUK MEMBANTU GEREJA DALAM
PEMERINTAHAN NERO.

DI SANA—ITULAH NELAYAN
YANG BERNAMA PETRUS. DIA
SALAH SATU PEMIMPIN MEREKA.
TANGKAP DIA!



SEBAGAI SEORANG MURID YESUS DAN PEMIMPIN GEREJA YANG
TERKENAL, PETRUS TELAH DITANGKAP ATAS PERINTAH KAISAR
NERO DALAM PENGANIAYAAN-NYA TERHADAP ORANG KRISTIAN.



ATAS PERINTAH MAHARAJA NERO, SIMON PETRUS, PEMIMPIN ORANG KRISTIAN DIJATUHI HUKUMAN MATI DISALIBKAN.

AKU TIDAK SAMA SEKALI LAYAK MATI SEPerti TUHANKU.

MAKA INILAH YANG AKU MINTA...

MENURUT KISAH TRADISI GEREJA, KERANA DIA TELAH MENYANGKAL YESUS, PETRUS MERASA TIDAK LAYAK DISALIBKAN SAMA SEPerti YESUS KRISTUS.

YESUS PERNAH BERNUBUAT KEPADA PETRUS, "APA YANG AKU KATAKAN INI BENAR: SEMASA KAMU MASIH MUDA, KAMU MENGIKAT TALI PINGGANG LALU PERGI KE MANA SAHAJA KAMU MAHU. TETAPI SEMASA KAMU TUA, KAMU AKAN MENGHULURKAN TANGAN LALU SEORANG LAIN AKAN MENGIKAT KAMU DAN MEMBAWA KAMU KE TEMPAT YANG KAMU TIDAK MAHU PERGI." DENGAN KATA-KATA INI YESUS MENUNJUKKAN BAGAIMANA PETRUS AKAN MATI KELAK UNTUK MEMULIAKAN ALLAH.



PAULUS DARI TARSUS, SEBAGAI WARGANEGARA ROMA, KAMU HARUS MENINGGALKAN IMAN KAMU KEPADA PEMERINTAH YANG SALAH.

SEBUTLAH, "KAISAR ADALAH TUHAN," MAKA MAHARAJA NERO YANG AGUNG DAN BERBELAS KASIHAN AKAN MENYELAMATKAN KAMU.

PAULUS TELAH DITANGKAP OLEH ROMA UNTUK KALI KEDUA PADA 64-67M.

SETELAH KEBAKARAN BESAR ROMA YANG TELAH MEMUSNAHKAN SEBAHAGIAN BESAR ROMA, PAULUS DIHADAPKAN KE NERO.



SAYA BERWARGANEGARA ASING DAN BELAS KASIHAN KRISTUS TELAH MENYELAMAT SAYA.

BERSUJUDLAH KEPADA KAISAR DAN KAMU AKAN BEBAS.

SAYA HANYA AKAN BERSUJUD KEPADA SATU-SATUNYA RAJA DI ATAS SEGALA RAJA, DAN DIA SUDAH PUN MEMBEBAHKAN SAYA.



BETA ADALAH KAISAR, DAN TIADA RAJA LAIN, SIAPAKAH YANG ENKAU MAKSUDKAN?

RAJA YESUS, TUHAN-KU DAN PENYELAMAT-KU.



BETA MEMERINTAH ENKAU UNTUK MENYEBUT, "KUROK CAESAR... KAISAR ADALAH TUHAN!"



DEMI KETAATAN KEPADA SATU-SATUNYA PEMERINTAH SYURGA DAN BUMI YANG BENAR...

AKU BERKATA, "KUROK IESOUS... YESUS ADALAH TUHAN!"

PA A K K K



PAULUS TELAH DIPANCUNG OLEH NERO PADA BULAN JUN 68M.

KISAH RASUL PAULUS MERUPAKAN KISAH YANG PALING MENAKJUBKAN DALAM ALKITAB. DIA MERUPAKAN PEMBERONTAK YAHUDI YANG TELAH MENGANIAYA PENGIKUT KRISTUS LALU MENANGKAP SERTA MEMBUNUH MEREKA. NAMUN SETELAH MUKJIZAT PERTEMUAN DENGAN KRISTUS DALAM PERJALANAN KE DAMASKUS, HIDUP PAULUS TELAH DITUNGGANG-TERBALIK.

PAULUS MENJADI SALAH SEORANG PEJUANG KRISTIAN YANG PALING LANTANG SERTA RASUL BAGI BANGSA-BANGSA BUKAN YAHUDI. PAULUS MERUPAKAN PENULIS 13 BUKU DALAM PERJANJIAN BARU DAN KISAH RASUL-RASUL MENCERITAKAN KISAH HIDUPNYA SECARA MENYELURUH, TERMASUK TIGA PERJALANAN MISI UNTUK MENGINJIL DI SELURUH EMPAYAR ROMA.

MELALUI HIDUP PAULUS, KITA DAPAT MELIHAT BAHAWA TUHAN BOLEH MENYELAMATKAN DAN MEMAKAI SESIAPA SAHAJA. PAULUS MENYERAHKAN SELURUH HIDUP-NYA KEPADA TUHAN DAN BERKOMITMEN PENUH DALAM MENYEBARKAN INJIL YESUS KRISTUS.

SEMOGA SETIAP KITA JUGA MELAKUKAN YANG SAMA.



"THE BIBLE EXPLAINED
IN EVERY LANGUAGE."



SUPERBIBLE.TV